

# Analisis Unsur Budaya dan Strategi Terjemahan dalam Filem Geng: Pengembaraan Bermula (An Analysis of Cultural Elements and Translation Strategies in the Film Geng: Pengembaraan Bermula)

Fudzla Suraiyya Abdul Raup<sup>1\*</sup>, Muhammad Aqil Naim Zabidi<sup>1</sup>, Mohd Fahimi Zakaria<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [fudzlasuraiyya@uitm.edu.my](mailto:fudzlasuraiyya@uitm.edu.my)

Received: 27 July 2025 | Accepted: 7 September 2025 | Published: 1 October 2025

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2025.7.5.4>

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti unsur budaya dalam terjemahan filem *Geng: Pengembaraan Bermula* berdasarkan teori Ghazala (2015) serta menganalisis strategi terjemahan yang digunakan untuk menterjemahkan unsur-unsur tersebut berpandukan teori Vinay dan Darbelnet (1995). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan terhadap korpus dialog dalam bahasa Melayu dan padanan terjemahannya dalam bahasa Arab. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua lapan unsur budaya yang digariskan oleh Ghazala (agama, sosial, politik, mental dan emosi, linguistik, sastera, ekologi dan material) wujud dalam filem ini. Unsur sosial merupakan unsur yang paling dominan kerana filem ini menggambarkan kehidupan kampung masyarakat Melayu dalam suasana santai dan mesra keluarga. Sebaliknya, unsur politik merupakan unsur yang paling kurang menyerlah. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa hanya lima daripada tujuh strategi terjemahan oleh Vinay dan Darbelnet telah digunakan, iaitu strategi pinjaman, terjemahan literal, modulasi, persamaan dan penyesuaian. Pemilihan strategi ini dipengaruhi oleh keperluan menyesuaikan makna dalam konteks budaya sasaran tanpa mengabaikan mesej asal. Kajian ini membuktikan bahawa terjemahan unsur budaya dalam media visual memerlukan kepekaan terhadap perbezaan budaya serta kemahiran memilih strategi terjemahan yang sesuai. Kajian lanjutan dicadangkan agar melibatkan lebih banyak genre filem dan pasangan bahasa lain untuk memperluas pemahaman dalam bidang ini.

**Kata Kunci:** terjemahan, budaya, kaedah terjemahan, terjemahan sarikata

**Abstract:** This study aims to identify cultural elements in the translation of the film *Geng: Pengembaraan Bermula* based on Ghazala's (2015) framework and to analyse the translation strategies applied to these elements using Vinay and Darbelnet's (1995) model. This qualitative study adopts content analysis of the Malay dialogue and its corresponding Arabic subtitles. Findings reveal that all eight cultural elements outlined by Ghazala (religious, social, political, mental and emotional, linguistic, literary, ecological, and material) are present in the film. The most dominant element is the social aspect, as the film portrays rural Malay community life in a relaxed and family-friendly context. Conversely, the political element is the least prominent. In addition, the analysis shows that only five out of the seven translation strategies proposed by Vinay and Darbelnet were used: borrowing, literal translation, modulation, equivalence, and adaptation. These strategies were chosen to ensure semantic equivalence and cultural appropriateness in the target language without compromising the original meaning. This study

*highlights that translating cultural elements in audiovisual media requires cultural sensitivity and strategic competence. Future research is recommended to include more film genres and other language pairs to broaden the scope of understanding in this area.*

**Keywords:** translation, culture, translation strategies, subtitle translation

---

## 1. Pendahuluan

Terjemahan merupakan salah satu proses untuk memindahkan mesej daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran. Terdapat terjemahan yang melibatkan bahan bertulis seperti terjemahan teks, komik, novel dan sebagainya. Namun terdapat juga terjemahan berbentuk audiovisual seperti terjemahan dialog di dalam filem, drama, program televisyen dan lain-lain. Tiga kaedah terjemahan audiovisual yang sering digunakan adalah alih suara (*dubbing*), penarikataan (*subtitling*) dan suara latar (*voice-over*) (Che Omar, 2007). Terdapat cabaran tertentu bagi setiap kaedah terjemahan ini. Bagi terjemahan berbentuk alih suara, terjemahan harus sesuai dengan tempoh lontaran dialog dan gerakan bibir pelakon (Ibrahim & Abdul Raup, 2018). Bagi terjemahan berbentuk penarikataan pula, ruang dan tempoh yang terhad untuk menayangkan sari kata juga menjadi cabaran kepada penterjemah (Abdelaal, 2019). Bagi terjemahan suara latar, penonton sasaran kadangkala tidak dapat menerima mesej asal dan emosi yang sama seperti penonton bahasa asal. Ketika menterjemahkan bahan audiovisual, penterjemah bukan sahaja perlu memastikan makna asal dikekalkan, namun harus mencari perkataan yang sesuai untuk menterjemahkan unsur budaya yang terdapat di dalam bahan tersebut (Khoiru Ummatin, 2013).

Filem *Geng: Pengembaraan Bermula* merupakan salah satu filem tempatan yang mengandungi pelbagai unsur budaya dalam masyarakat. Filem ini memaparkan kehidupan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Filem ini telah diterbitkan dalam bahasa Melayu. Oleh sebab sambutan hangat yang diterima di peringkat antarabangsa, filem ini telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa, antaranya bahasa Arab. Namun, disebabkan perbezaan budaya yang ketara antara masyarakat Melayu dan masyarakat Arab, penterjemah menghadapi cabaran yang besar bagi memastikan makna dan bentuk asal budaya Melayu dapat dikekalkan dan disesuaikan dengan fahaman masyarakat Arab (Gamal, 2014). Pemilihan perkataan yang sesuai semasa menterjemah amat penting bagi memastikan makna dan mesej dapat disampaikan dengan baik (Abdul Raup et al., 2022).

Walaupun kajian berkaitan terjemahan audiovisual semakin berkembang, namun kajian terhadap penyesuaian unsur budaya dari bahasa Melayu ke bahasa Arab masih terhad. Tambahan pula, kajian berkaitan genre filem animasi tempatan belum diberi perhatian sewajarnya, khususnya dalam konteks masyarakat Arab sebagai penerima sasaran. Justeru, kajian ini telah dijalankan untuk mengenalpasti unsur budaya yang terdapat dalam filem *Geng: Pengembaraan Bermula* berdasarkan pengelasan unsur budaya oleh Ghazala (2015), serta mengenalpasti strategi terjemahan yang digunakan dalam proses penarikataan dialog filem ini berpandukan kaedah terjemahan Vinay dan Darbelnet (1995).

## 2. Kajian Literatur

### 2.1 Unsur budaya

Unsur budaya merupakan salah satu unsur yang merujuk kepada tatacara kehidupan sesuatu masyarakat. Unsur ini dizahirkan secara berbeza mengikut masyarakat tertentu. (Ghazala,

2015). Newmark (1998) telah memperkenalkan lima unsur budaya yang utama iaitu (i) ekologi, (ii) bahan material, (iii) budaya sosial, (iv) organisasi, adat resam, aktiviti, tatacara dan konsep, dan (v) gerak laku dan tabiat. Walaubagaimanapun, unsur-unsur budaya oleh Newmark ini telah dikaji semula oleh Ghazala pada tahun 2015. Hasil kajiannya telah memperkenalkan pengelasan semula unsur budaya kepada lapan unsur iaitu (i) agama, (ii) sosial, (iii) politik, (iv) mental dan emosi, (v) linguistik, (vi) sastera, (vii) ekologi, dan (viii) material. (Md Ali Shifudin & Ibrahim, 2019).

- (i) **Budaya Agama** – Meliputi kepercayaan, ritual, ibadah, istilah, prinsip dan larangan agama termasuk konsep ketuhanan dan istilah agama sensitif dalam pelbagai agama seperti Islam dan Kristian.
- (ii) **Budaya Sosial** – Merangkumi makanan, minuman, pakaian, adat resam, sapaan, gelaran, organisasi sosial, topik sensitif, majlis sosial, hiburan serta simbol bukan linguistik yang hanya difahami oleh komuniti budaya tertentu.
- (iii) **Budaya Politik** – Berkaitan dengan konsep, istilah, institusi, organisasi, parti politik, jawatan, akronim dan sistem politik seperti demokrasi.
- (iv) **Budaya Mental dan Emosi** – Merujuk kepada cara berfikir dan ekspresi emosi seperti takut, marah, bangga, nilai murni, diskriminasi, serta nilai-nilai budaya yang membentuk tingkah laku masyarakat.
- (v) **Budaya Linguistik** – Menumpukan kepada gaya ekspresi budaya seperti peribahasa, perumpamaan, ironi, konotasi dan struktur ekspresi yang unik dalam sesuatu bahasa.
- (vi) **Budaya Kesusasteraan** – Merangkumi tradisi, gaya, nilai penulisan, simbol dan tokoh sastera dalam budaya tertentu.
- (vii) **Budaya Ekologi** – Berkaitan unsur alam sekitar seperti geografi, flora dan fauna yang unik kepada sesuatu lokasi.
- (viii) **Budaya Material** – Melibatkan objek fizikal dan teknologi seperti kediaman, pengangkutan, senjata serta kemudahan komunikasi moden.

## 2.2 Strategi Penterjemahan

Terjemahan merupakan satu proses memindahkan idea penulis asal di dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran. Penterjemah haruslah menguasai kedua-dua bahasa agar mesej dapat disampaikan dengan tepat dan difahami oleh pembaca bahasa sasaran. Penterjemah juga perlu memastikan hasil terjemahan bersifat semulajadi dan tidak terlalu terikat dengan gaya bahasa teks bahasa sumber (Khoiru Ummatin, 2013). Dua kaedah terjemahan telah diperkenalkan oleh Vinay dan Darbelnet (1995) iaitu terjemahan langsung (*direct translation*) dan terjemahan tidak langsung (*oblique translation*). Terjemahan langsung telah dikelaskan kepada tiga iaitu:

- (i) Pinjaman: Kaedah mengambil terus perkataan dari bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran, sama ada kerana tiada padanan tepat atau untuk mengekalkan elemen budaya sumber. Contohnya, terjemahan **مسجد** kepada masjid.
- (ii) Peniruan/ Calque: Kaedah menterjemah secara literal frasa atau struktur tertentu dalam bahasa sumber ke bahasa sasaran. Contohnya, terjemahan **رئيس الوزراء** kepada perdana menteri.
- (iii) Terjemahan Harfiah/ Literal: Kaedah yang menterjemahkan perkataan atau frasa dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran tanpa melakukan perubahan besar pada struktur sintaksisnya. Contohnya, terjemahan ayat **يَأْكُلُ أَحْمَدُ الْأُرْزُ** kepada Ahmad makan nasi.

Terjemahan tidak langsung pula dikelaskan kepada empat iaitu:

- (i) Transposisi: Kaedah yang menukarkan golongan kata atau kedudukan frasa tanpa mengubah makna asal, seperti penukaran kata nama kepada kata kerja atau kata tunggal kepada kata jamak. Contohnya: terjemahan **تَسْلُقُ الْجَبَلِ** kepada mendaki gunung.

- Perkataan **تسلق** merupakan kata nama namun telah diterjemahkan kepada ‘mendaki’ iaitu kata kerja.
- (ii) Modulasi: Kaedah yang mengekalkan maksud asal ayat. Kadangkala penterjemah menukar sudut pandang dalam ayat asal seperti penukaran ayat aktif ke pasif atau penukaran struktur ayat nafi. Contohnya: terjemahan **أنا شبعان** kepada saya tidak lapar.
  - (iii) Persamaan: Kaedah menyampaikan maksud asal menggunakan ekspresi berlainan yang sesuai dalam budaya sasaran, terutamanya untuk idiom, peribahasa, atau ungkapan tetap. Kaedah ini terbahagi kepada dua iaitu persamaan terdekat (persamaan yang paling hampir dari segi makna), dan persamaan sejadi. Contohnya: terjemahan Aduh! kepada **أخ!**
  - (iv) Penyesuaian: Kaedah yang dianggap sebagai kaedah terjemahan paling bebas. Kaedah ini menggantikan elemen budaya dalam bahasa sumber dengan elemen setara dalam bahasa sasaran yang lebih mudah difahami. Contohnya: terjemahan *Cheers!* kepada **في صحتك!**

### 2.3 Sorotan kajian lepas

Kajian berkaitan terjemahan unsur budaya telah banyak dijalankan. Hal ini kerana ciri-ciri budaya berbeza mengikut masyarakat dan bahasa. Antara kajian yang telah dijalankan adalah kajian oleh Al-Shloul dan Alkhomayes (2025). Kajian ini bertujuan untuk menilai kebolegunaan taksonomi strategi penterjemahan penyarikataan oleh Al-Shloul (2023) yang mengandungi sembilan strategi iaitu peminjaman, terjemahan literal, penggantian, transposisi, penambahan, kompensasi, kompensasi palsu, pengguguran dan peringkasan. Kesemua strategi ini digunakan khusus untuk menterjemahkan item budaya Islamik (Islamic Cultural Items, ICIs) dalam pelbagai genre filem Arab (dokumentari, drama, komedi, aksi) ke dalam bahasa Inggeris. Menggunakan pendekatan kualitatif, korpus 15 filem telah dipilih dan dianalisis secara tekstual. Kesemua filem yang dipilih mengandungi elemen budaya dan linguistik yang berbeza, mengikut komuniti masing-masing. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemilihan strategi penterjemahan adalah berbeza, bergantung kepada genre. Genre aksi, komedi dan dokumentari lebih banyak menggunakan strategi pengguguran kerana ruang visual dan tempoh tayangan yang terhad, manakala genre drama lebih cenderung menggunakan strategi transposisi dalam terjemahan. Kajian ini membuktikan bahawa penyarikataan (*subtitling*) bukan hanya bersifat teknikal tetapi memerlukan pemahaman yang mendalam tentang budaya sasaran. Kajian lanjutan juga telah dicadangkan untuk mengkaji terjemahan ICIs dalam padanan terjemahan bahasa yang lain serta memilih sampel kajian dari genre filem yang lain.


Kajian Alsager dan Almohizea (2023) pula mempunyai dua objektif utama iaitu untuk mengenalpasti tahap kesesuaian terjemahan dialog bahasa Inggeris ke bahasa Arab dalam filem Mulan (2020) berdasarkan teori Skopos serta mengenalpasti persepsi pelajar tentang kualiti terjemahan dialog dalam filem tersebut. Kajian ini merupakan kajian gabungan kualitatif dan kuantitatif. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif bagi mengumpulkan dialog serta padanan terjemahannya. Seterusnya, strategi terjemahan yang digunakan telah dianalisis sebelum pengkaji menilai tahap kesesuaian antara dialog bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Bagi mencapai objektif kedua, pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 18 sampel kajian yang terdiri daripada pelajar *King Saud Universiti*. Hasil kajian menunjukkan bahawa walaupun terdapat pelanggaran terhadap unsur budaya, namun hasil terjemahan dianggap baik kerana penterjemah berusaha memadamkan terjemahan dengan budaya sasaran tanpa menghilangkan makna budaya asal. Strategi terjemahan yang paling kerap digunakan adalah terjemahan literal. Dapatan bagi objektif kedua pula menunjukkan sampel kajian bersetuju bahawa terjemahan unsur budaya tidak sepadan antara dialog asal dan dialog yang telah diterjemahkan dalam bahasa Arab. Namun begitu, bagi

terjemahan peribahasa dan ungkapan, sampel kajian berpendapat bahawa terjemahannya baik dan mudah difahami.

Merujuk kepada dua kajian lepas, maka kajian terhadap terjemahan unsur budaya dalam filem *Geng: Pengembaraan Bermula* adalah bertepatan untuk mengisi jurang kajian sedia ada. Kajian ini bukan sahaja membantu memahami strategi penterjemahan yang digunakan, tetapi juga menilai keberkesanan dan kesesuaian padanan budaya tempatan di Malaysia dalam konteks terjemahan ke bahasa lain, sekaligus memberi sumbangan baharu kepada bidang terjemahan audiovisual tempatan.

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini bersifat deskriptif dan dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif. Teknik analisis kandungan telah diaplikasikan untuk pengumpulan data. Menerusi teknik ini, kandungan dan makna teks dapat difahami dengan lebih jelas dan holistik (Shava et al., 2021). Filem animasi *Geng: Pengembaraan Bermula* dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam bahasa Arab telah dipilih sebagai sumber data dalam kajian ini. Audio suara bahasa Melayu di dalam filem ini telah diteliti sebelum dibandingkan dengan terjemahan sarikatanya dalam bahasa Arab. Unsur-unsur budaya yang terdapat di dalam filem ini telah dikenalpasti berpandukan pembahagian unsur budaya oleh Ghazala (2015). Seterusnya, strategi terjemahan yang digunakan dalam menterjemahkan unsur budaya telah dianalisis berpandukan kaedah terjemahan Vinay dan Darbelnet (1995). Proses pengumpulan data adalah seperti berikut:



Rajah 1: Proses pengumpulan data

### 4. Analisis Data dan Perbincangan

Dapatan kajian telah dianalisis berteraskan teori Ghazala (2015), bagi mengenalpasti unsur budaya yang terdapat dalam filem ini. Dapatan kajian menunjukkan semua lapan unsur budaya yang telah digariskan oleh Ghazala (2015) telah dikenalpasti di dalam filem ini iaitu unsur agama, sosial, politik, mental dan emosi, linguistik, sastera, ekologi dan material. Unsur yang paling jelas dan kerap ditampilkan dalam filem ini adalah unsur sosial manakala unsur yang paling sukar dikenalpasti adalah unsur politik. Ini kerana filem ini merupakan filem yang

mengetengahkan persembahan budaya dan adat resam masyarakat Melayu di kampung di Malaysia, bersifat ringan dan santai serta sesuai untuk tontonan semua peringkat umur.

Setelah mengenalpasti semua unsur budaya dalam filem ini, perbandingan telah dilakukan antara dialog asal dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam bahasa Arab. Strategi terjemahan yang telah digunakan untuk menterjemahkan unsur budaya telah dianalisis berpandukan kaedah terjemahan Vinay dan Darbelnet (1995). Hasil analisis data menunjukkan hanya lima kaedah sahaja yang telah digunakan iaitu pinjaman, literal, modulasi, persamaan & penyesuaian.

### (i) Budaya Agama

Dalam data BA1 dan BA2, terdapat elemen budaya agama seperti yang dijelaskan oleh Ghazala (2015). Istilah “*surau*”, “*solat*” dan frasa “*tiang ugama*” menggambarkan elemen keagamaan masyarakat Melayu Islam. *Surau* ialah tempat ibadat bersaiz kecil yang lazim digunakan untuk solat berjemaah di kawasan perumahan atau kampung, manakala *masjid* digunakan untuk solat Jumaat dan aktiviti keagamaan yang lebih besar (Dewan Bahasa & Pustaka, 2005). Istilah *solat* pula ialah ibadah yang wajib ditunaikan oleh setiap Muslim. Frasa “*tiang ugama*” ialah metafora yang menunjukkan solat sebagai asas utama dalam kehidupan beragama seseorang Muslim. Ketiga-tiga istilah ini menggambarkan budaya keagamaan Islam yang dipegang kuat oleh masyarakat Melayu.

Dari segi terjemahan, istilah “*surau*” diterjemahkan kepada “*المسجد*” menggunakan strategi modulasi, iaitu menukar sudut pandang kepada istilah yang lebih umum dan dikenali dalam konteks budaya Arab. Walaupun “*مصلى*” mungkin lebih tepat secara literal, penggunaan “*masjid*” memudahkan pemahaman khalayak sasaran. Istilah “*solat*” diterjemahkan kepada “*صلاتك*” melalui strategi pinjaman, kerana istilah ini merupakan istilah yang dipinjam secara langsung daripada bahasa Arab. Frasa “*tiang ugama*” pula diterjemahkan sebagai “*عماد الدين*” menggunakan strategi persamaan sejadi, kerana frasa ini wujud dalam kedua-dua budaya dengan maksud dan impak yang serupa. Pemilihan strategi ini menunjukkan kepekaan penterjemah terhadap unsur agama yang perlu dikekalkan maknanya agar sesuai dengan konteks bahasa sasaran.

Jadual 1: Unsur budaya agama

Data	Dialog asal (Bahasa Melayu)	Sarikata (Bahasa Arab)
BA1	Atok nak pergi surau dulu.	أنا ذاهب إلى المسجد
BA2	Solat jangan lupa! Tiang ugama!	لا تنس صلاتك، إنها عماد الدين

### (ii) Budaya Sosial

Dalam data BSO1 dan BSO2, kedua-dua dialog mencerminkan unsur budaya sosial seperti yang diuraikan oleh Ghazala (2015), iaitu berkaitan adat resam, majlis sosial dan makanan. Frasa “rumah orang kahwin” dalam BSO1 merujuk kepada adat menghadiri kenduri perkahwinan, iaitu majlis sosial penting dalam masyarakat Melayu yang melibatkan amalan kunjung-mengunjung dan berpakaian cantik atau “bergaya”. Dalam BSO2 pula, disebutkan makanan tradisional Melayu iaitu “pulut panggang” dan “karipap”, yang lazim dihidangkan dalam majlis atau kunjungan sebagai lambang amalan menjamu tetamu. Kedua-dua frasa ini mencerminkan gaya hidup, adat dan interaksi sosial dalam komuniti Melayu yang turut membentuk identiti budaya mereka

Dari segi terjemahan, frasa “rumah orang kahwin” telah diterjemahkan kepada “*حفل الزفاف*” menggunakan strategi penyesuaian, iaitu menggantikan ekspresi budaya sumber dengan istilah

yang lebih dikenali dalam budaya sasaran. Istilah Arab tersebut membawa maksud “majlis perkahwinan”, yang difahami oleh khalayak Arab, walaupun secara literal berbeza daripada frasa asal yang merujuk kepada lokasi fizikal rumah pengantin. Bagi frasa “pulut panggang dan karipap”, penterjemah menggunakan gabungan strategi penyesuaian dan literal. “Pulut panggang” diterjemahkan secara penyesuaian kepada “الأرز الدبق المشوي” (nasi pulut yang dipanggang), kerana tiada padanan langsung dalam budaya Arab. Ini membantu menjelaskan bentuk dan kaedah penyediaan makanan tersebut kepada pembaca atau penonton Arab. Manakala istilah “karipap” diterjemahkan secara literal sebagai “لفائف الكاري” untuk memberi gambaran asas bentuk dan rasa makanan tersebut. Pendekatan ini menunjukkan bahawa penterjemah berusaha mengekalkan keaslian budaya sumber sambil memastikan maklumat yang diterjemah dapat difahami dalam konteks budaya sasaran.

**Jadual 2: Unsur budaya sosial**

Data	Dialog asal (Bahasa Melayu)	Sarikata (Bahasa Arab)
BSO1	Haa.. siapkan cepat! Aku ni nak bergaya ke rumah orang kahwin	أنوي ارتداءه في حفل الزفاف! قم بإنهائه بسرعة
BSO2	Ini Ros ada bawa pulut panggang dengan karipap ya.	جلبت لك الأرز الدبق المشوي ولفائف الكاري

### (iii) Budaya Politik

Dalam data BP1 dan BP2, kedua-dua dialog mencerminkan unsur budaya politik seperti yang dikemukakan oleh Ghazala (2015), iaitu berkaitan dengan struktur sosial rasmi, institusi penguatkuasaan undang-undang serta pelaksanaan peraturan. Frasa “masuk lokap” dalam BP1 merujuk kepada tindakan penahanan atau pemenjaraan sementara oleh pihak berkuasa, yang merupakan sebahagian daripada sistem keadilan jenayah. Manakala frasa “tangkap binatang terpelihara” dalam BP2 menunjukkan larangan undang-undang terhadap penangkapan haiwan yang dilindungi, yang tertakluk di bawah peraturan pemuliharaan. Kedua-dua dialog ini mewakili konsep perundangan dan kuasa autoriti, yang merupakan elemen penting dalam budaya politik sesebuah masyarakat.

Dari sudut terjemahan, kedua-dua frasa ini diterjemahkan menggunakan strategi modulasi. Frasa “masuk lokap” diterjemahkan kepada “إلى السجن”, iaitu menukar bentuk ungkapan dari istilah tidak rasmi (lokap) kepada bentuk yang lebih umum dan formal (السجن – penjara). Oleh kerana tiada istilah yang khusus dan lazim dalam bahasa Arab untuk menggambarkan konsep “lokap”, penterjemah mengubah sudut pandang kepada istilah yang lebih umum tetapi difahami dalam konteks bahasa sasaran. Sementara itu, terjemahan frasa “suka-suka tangkap binatang terpelihara” kepada “اصطياد الحيوانات المحمية مخالف للقانون” telah menunjukkan perubahan bentuk ekspresi lisan santai kepada terjemahan dalam bentuk pernyataan formal perundangan. Penterjemah menyesuaikan gaya dan struktur untuk mematuhi norma komunikasi dalam budaya Arab, sambil mengekalkan maksud dan mesej asal.

**Jadual 3: Unsur budaya politik**

Data	Dialog asal (Bahasa Melayu)	Sarikata (Bahasa Arab)
BP1	Ha, sekarang lu ikut gua masuk lokap.	إدًا، يمكنك أن تتبعني إلى السجن
BP2	Mana boleh suka-suka tangkap binatang terpelihara	اصطياد الحيوانات المحمية مخالف للقانون

### (iv) Budaya Mental & Emosi

Data BME1 dan BME2 menunjukkan unsur budaya emosi dalam bentuk ketakutan dan kemarahan. Dalam BME1, frasa “takutlah!” dan “eee kecut Sal” mencerminkan rasa takut yang dizahirkan secara spontan melalui gaya pertuturan santai. Ia menggambarkan reaksi emosi

terhadap cerita seram “hantu durian”, yang juga merupakan unsur kepercayaan dalam budaya tempatan. Sementara itu, BME2 memaparkan emosi marah melalui ungkapan “ish! geram betul lah”. Ekspresi ini biasa digunakan dalam konteks komunikasi seharian masyarakat Melayu bagi menunjukkan rasa tidak puas hati secara langsung.

Dari sudut penterjemahan, kedua-dua data ini menggunakan strategi modulasi. Dalam BME1, ungkapan “takutlah!” diterjemahkan sebagai “أنا خائف” yang lebih formal, manakala ekspresi emosi spontan seperti “eee kecut Sal” digugurkan dalam terjemahan. Ini menunjukkan perubahan sudut pandang daripada ekspresi lisan kepada bentuk yang lebih sesuai dalam budaya bahasa Arab. Manakala frasa “ish! geram betul lah” diterjemahkan kepada “يا للهول”. Frasa ini merupakan seruan dalam bahasa Arab yang membawa maksud “Oh, alangkah dahsyatnya!”. Penterjemah berusaha menyesuaikan bentuk ekspresi emosi dengan gaya komunikasi yang lebih formal dalam budaya Arab. Walau bagaimanapun, unsur kemarahan yang dizahirkan secara jelas dalam dialog asal tidak dipaparkan secara langsung dalam terjemahan bahasa Arab. Hal ini menunjukkan bahawa unsur budaya mental dan emosi telah diterjemahkan dalam bentuk yang lebih neutral bagi menyesuaikan ekspresi lisan budaya Melayu dengan norma linguistik masyarakat Arab tanpa menjejaskan kefahaman mesej.

**Jadual 4: Unsur budaya mental & emosi**

Data	Dialog asal (Bahasa Melayu)	Sarikata (Bahasa Arab)
BME1	Sal takutlah! Tadi kat warung diorang semua cerita pasal “hantu durian”, ee kecut Sal	دوريان، هذا مخيف أنا خائف، الناس يتحدثون عن شبح
BME2	Ish, geram betul lah dengan budak-budak ni !	يا للهول! إنهما مزعجان دائما

#### (v) Budaya Linguistik

Dalam data BL1 dan BL2, terdapat unsur budaya linguistik seperti yang dihuraikan oleh Ghazala (2015), iaitu melibatkan gaya ekspresi budaya dalam sesuatu bahasa seperti peribahasa, ungkapan kiasan atau struktur bahasa yang unik. Dalam BL1, peribahasa Melayu “sediakan payung sebelum hujan” merupakan bentuk nasihat yang menekankan kepentingan bersedia sebelum menghadapi sebarang kesusahan. Peribahasa ini mencerminkan cara masyarakat Melayu menasihati secara tidak langsung melalui bahasa kiasan (Hamzah & Mat Hassan, 2011). Dalam BL2 pula, frasa “tak betul” merujuk kepada ungkapan tidak literal yang biasanya digunakan untuk menggambarkan seseorang yang berkelakuan pelik atau tidak waras, dan dalam konteks ini membawa makna sindiran atau kritikan sosial yang halus.

Dari aspek terjemahan, frasa “sediakan payung sebelum hujan” diterjemahkan kepada “جهز مظلتك قبل أن تمطر” menggunakan strategi persamaan, iaitu persamaan sejadi. Peribahasa ini mempunyai padanan langsung dalam bahasa Arab dari segi makna dan bentuk gaya bahasa, dan mengekalkan maksud nasihat dalam bentuk kiasan. Penterjemah memilih untuk mengekalkan unsur kiasan kerana ia juga difahami dan digunakan dalam masyarakat Arab. Bagi frasa “tak betul”, penterjemahan kepada “مجنون” menggunakan strategi modulasi, kerana ungkapan dalam bahasa Melayu bersifat lebih umum dan lembut, manakala “مجنون” dalam bahasa Arab memberi makna lebih terus dan literal, iaitu “gila”. Modulasi ini berlaku apabila penterjemah mengubah sudut pandang daripada kiasan halus kepada ekspresi yang lebih eksplisit dalam bahasa sasaran, bagi menjelaskan maksud sebenar yang ingin disampaikan dalam konteks tersebut.

**Jadual 5: Unsur budaya linguistik**

Data	Dialog asal (Bahasa Melayu)	Sarikata (Bahasa Arab)
BL1	Haa ! Peribahasa Melayu mengatakan “sediakan	جهز مظلتك قبل أن تمطر: تعرف المثل القائل

payung sebelum hujan”

BL2

Huh! Memang tak betul budak ni.

هذا الولد مجنون

### (vi) Budaya Sastra

Data BSA1 dan BSA2 menunjukkan unsur budaya sastra seperti yang diuraikan oleh Ghazala (2015), iaitu berkaitan dengan karya, simbol dan gaya bahasa dalam tradisi sastra sesebuah masyarakat. Dalam BSA1, frasa “Wayang Kulit” merupakan satu bentuk teater tradisional Melayu yang sarat dengan nilai seni, watak klasik dan naratif budaya. Ia dianggap sebagai sebahagian daripada warisan sastra lisan yang mempersembahkan cerita-cerita rakyat dan epik dalam bentuk bayang-bayang. Sementara itu, dalam BSA2, gurindam “Tanam-tanam ubi tak perlu dibaja, orang berbudi kita berbahasa” merupakan bentuk puisi Melayu tradisional yang mengandungi mesej moral tentang membalas budi. Kedua-dua contoh ini mencerminkan keunikan kesusasteraan Melayu yang kaya dengan simbolisme, nilai murni, dan pengajaran hidup (Hamzah & Mat Hassan, 2011).

Dari aspek terjemahan, frasa “Wayang Kulit” dalam BSA1 telah diterjemahkan sebagai “مسرحيات الظل” menggunakan strategi penyesuaian, di mana penterjemah menggantikan istilah budaya sumber dengan bentuk paling hampir dalam budaya sasaran. “مسرحيات الظل” bermaksud teater bayang-bayang, yang merupakan konsep yang dikenali dalam tradisi Arab walaupun berbeza dari segi persembahan dan konteks budaya. Bagi gurindam dalam BSA2, penterjemah menggunakan strategi modulasi, dengan mengubah struktur dan gaya penyampaian daripada bentuk puisi kepada bentuk ayat pernyataan biasa. Maksud asal masih dikekalkan — iaitu membalas kebaikan dengan kebaikan — tetapi bentuk sastra dan estetik gurindam telah digugurkan. Ini dilakukan agar mesej lebih difahami oleh masyarakat Arab yang kurang terdedah dengan keunikan bentuk dan irama puisi Melayu tradisional.

Jadual 6: Unsur budaya sastra

Data	Dialog asal (Bahasa Melayu)	Sarikata (Bahasa Arab)
BSA1	Wah ! Juara Wayang Kulit 2007	بطل مسابقة مسرحيات الظل 2007
BSA2	“Tanam-tanam ubi tak perlu dibaja, orang berbudi kita berbahasa”.	علينا أن نبتات التابووكا أسهل نباتات يمكن الاعتناء بها نعامل الآخرين كما يعاملوننا

### (vii) Budaya Ekologi

Dalam data BE1 dan BE2, kedua-dua dialog mengandungi unsur budaya ekologi seperti yang diuraikan oleh Ghazala (2015), iaitu unsur yang berkait rapat dengan alam sekitar dan elemen geografi yang unik kepada sesuatu tempat. Dalam BE1, frasa “kelip-kelip” merujuk kepada sejenis serangga bercahaya (firefly) yang lazim ditemui di kawasan hutan paya bakau atau kampung di Malaysia. Serangga ini menjadi simbol keindahan semula jadi dan daya tarikan pelancongan. Sementara itu, dalam BE2, frasa “pokok durian” merujuk kepada pokok buah tropika yang hanya tumbuh di rantau Asia Tenggara, termasuk Malaysia. Durian merupakan sebahagian daripada flora tempatan yang mempunyai nilai budaya dan ekonomi. Kedua-dua frasa ini mencerminkan interaksi masyarakat Melayu dengan alam sekitar mereka (Hamzah & Mat Hassan, 2011).

Dari sudut terjemahan, frasa “kelip-kelip” telah diterjemahkan sebagai “يِرَاعَة”, iaitu istilah Arab yang membawa maksud serangga bercahaya. Penterjemah menggunakan strategi persamaan, kerana kedua-dua bahasa mempunyai istilah yang merujuk kepada spesies serangga yang serupa, walaupun mungkin tidak sama habitat atau kepentingannya dalam budaya masing-masing. Bagi frasa “pokok durian”, penterjemahan kepada “شجرة دوريان” pula menggunakan strategi pinjaman untuk “durian” dan literal untuk “pokok” kepada “شجرة”. Ini

kerana buah durian tiada padanan budaya langsung dalam dunia Arab, maka nama buah dikekalkan dalam bentuk asal, manakala struktur frasa diterjemahkan secara langsung. Pendekatan ini mengekalkan keaslian unsur alam dan memastikan pembaca sasaran tetap mendapat gambaran jelas tentang flora dan fauna dari budaya sumber.

**Jadual 7: Unsur budaya ekologi**

Data	Dialog asal (Bahasa Melayu)	Sarikata (Bahasa Arab)
BE1	Waaaa...cantiknya kelip-kelip.	يا لها من بَراعة جَميلة
BE2	Panjat pokok durian lah, apa lagi?	أتسلق شجرة دوريان، ماذا ترى؟

### (viii) Budaya Material

Dalam data BM1 dan BM2, kedua-dua dialog menggambarkan unsur budaya material seperti yang diklasifikasikan oleh Ghazala (2015), iaitu elemen berkait dengan objek fizikal, kenderaan, tempat tinggal dan teknologi. Frasa “kereta saya” dalam BM1 merujuk kepada kenderaan yang digunakan dalam pergerakan harian. Penggunaan kereta menunjukkan tahap kemajuan teknologi dalam konteks budaya moden. Sementara itu, frasa “pondok” dalam BM2 merujuk kepada struktur kecil dan ringkas yang biasa digunakan di kawasan kampung atau kebun sebagai tempat berteduh atau berehat (Dewan Bahasa & Pustaka, 2005). Ia mencerminkan unsur material tradisional yang berkait rapat dengan kehidupan luar bandar di Malaysia.

Dari segi terjemahan, frasa “kereta saya” diterjemahkan sebagai “سيارتي”. Terjemahan ini menggunakan strategi literal, iaitu menterjemah terus struktur kata nama milik “kereta saya” kepada bentuk Arab yang sepadan tanpa perubahan bentuk atau struktur sintaksis. Ini sesuai kerana konsep dan objek “kereta” wujud dalam kedua-dua budaya. Sementara itu, frasa “pondok” diterjemahkan kepada “الكوخ”, juga menggunakan strategi persamaan, kerana “pondok” dan “الكوخ” merujuk kepada struktur fizikal yang ringkas dan bersifat sementara. Walaupun konteks budaya mungkin berbeza dari segi reka bentuk atau bahan binaan, fungsi dan gambaran umum strukturnya tetap serupa dalam kedua-dua bahasa. Pendekatan ini membolehkan makna asal dikekalkan tanpa mengganggu kefahaman khalayak sasaran.

**Jadual 8: Unsur budaya material**

Data	Dialog asal (Bahasa Melayu)	Sarikata (Bahasa Arab)
BM1	Haaa, okay okay. Mari naik kereta saya.	نعم، سأخذ سيارتي
BM2	Ada dekat pondok itu !	في الكوخ الذي هناك

## 5. Kesimpulan

Kajian ini telah mengenal pasti unsur budaya yang terdapat dalam filem Geng: Pengembaraan Bermula serta strategi terjemahan yang telah diaplikasikan ketika menterjemah unsur-unsur budaya tersebut. Rumusan daripada kajian ini jelas menunjukkan bahawa karya animasi ini kaya dengan pelbagai unsur budaya masyarakat Melayu yang mencakupi aspek agama, sosial, politik, mental dan emosi, linguistik, sastera, ekologi, dan material, seperti yang dikategorikan oleh Ghazala (2015). Dialog-dialog yang dipilih memaparkan budaya tempatan secara semula jadi melalui penggunaan bahasa, adat resam, ekspresi emosi, makanan tradisional, dan simbol budaya lain yang menjadi identiti masyarakat Melayu. Dalam aspek penterjemahan pula, analisis yang telah dijalankan berpandukan teori strategi terjemahan Vinay dan Darbelnet (1995) menunjukkan bahawa penterjemah telah mengaplikasikan pelbagai strategi seperti peniruan/calque, modulasi, literal, persamaan dan penyesuaian untuk memastikan mesej budaya dalam bahasa sumber dapat disampaikan secara efektif dalam bahasa sasaran.

Pemilihan strategi ini membuktikan kepekaan budaya penterjemah dalam mengekalkan maksud dan nilai budaya asal tanpa mengabaikan kefahaman khalayak sasaran. Pemilihan perkataan yang sesuai juga penting agar sesuatu karya itu lebih dekat dengan penonton atau pembaca sasaran (Abdul Wahab et al., 2025). Justeru, terjemahan bukan sahaja berperanan memindahkan makna linguistik, malah berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan budaya antara dua komuniti yang berbeza.

### **Penghargaan**

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.

### **Pernyataan Konflik Kepentingan**

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan mengenai penerbitan kajian ini.

### **Rujukan**

- Abdelaal, N. M. (2019). Subtitling of culture-bound terms: strategies and quality assessment. *Heliyon*, 5(4).
- Abdul Raup, F. S., Ismail, N. & Shafri, M. H. (2022). Strategi penterjemahan pantun Melayu-Arab dalam siri animasi Upin & Ipin. *AL-IRSYAD: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(1). 851-864.
- Abdul Wahab, H., Ting, S.-H., Mustafa, R., Kamil, S. M., Gedat, R., & Abdullah, S. (2025). Nilai rasa dalam lagu-lagu Melayu Sarawak: Perspektif rasa-fenomenologi. *Asian Journal of Research in Education and Social Sciences*, 7(5), 103–113.
- Alsager, S. N., & Almohizea, M. I. (2023). An analysis of subtitle translation of *Mulan*: Skopos theory-inspired perspective. *AWEJ for Translation & Literary Studies*, 7(3), 50-68.
- Al-Shlool, S., & Alkhomayes, M. (2025). Subtitling Islamic cultural items: A cross-genre analysis of Arabic films subtitled into English. *International Journal of Linguistics, Literature and Translation*, 8(3), 61-76.
- Che Omar, H. (2007). *Penyarikataan: Satu Kaedah Penterjemahan Audiovisual*. Kuala Lumpur: ITBM.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi ke-4). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gamal, M. Y. (2014). Audiovisual translation in the Arab world (v 0.4): Mapping the field. *Arab Media & Society*, 19.
- Ghazala, H. (2015). *Translating Culture: A Textbook*. Saudi Arabia: Konooz Al-Marifa.
- Hamzah, Z. A. Z., & Mat Hassan, A. F. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(3), 151–164.
- Ibrahim, M. & Abdul Raup, F.S. (2018). Addition and omission in the dubbing of animated series (Upin & Ipin) from Malay to Arabic. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 3(1). 127-142.
- Khoiru Ummatin. (2013). *Analisis Terjemahan Sulih Suara Film Knight Rider ke dalam Bahasa Indonesia*. Repositori Kemendikdasmen.
- Md Ali Shifudin, R. A. & Ibrahim, M. (2019). Penterjemahan unsur budaya Arab dan Melayu menurut pembahagian Hasan Ghazala. *Jurnal Penterjemah*, 21(2). 163-183.
- Newmark, P. (1998). *A Textbook of Translation*. New York: Prentice-Hall International.
- Shava, G. N., Hleza, S., Tlou, F., Shonhiwa, S. & Mathonsi, E. (2021). Qualitative Content Analysis, Utility, Usability and Processes in Educational Research. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, 5(7). 553-558.
- Vinay, J. P. & Darbelnet, J. (1995). *Comparative stylistics of French and English. A methodology for translation*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Co.